

## Relevansi Perbankan Islam Mendepani Cabaran Ketidakstabilan Kewangan

*The Relevance of Islamic Banking in Confronting Financial Instability Challenges*

Mohammad Taqiuddin Mohamad [M.Taqiuddin@um.edu.my](mailto:M.Taqiuddin@um.edu.my)  
Joni Tamkin Borhan [joni@um.edu.my](mailto:joni@um.edu.my)  
Ahmad Azam Sulaiman@Mohamad [ahmadazams@um.edu.my](mailto:ahmadazams@um.edu.my)  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya

### ABSTRAK

Krisis kewangan global yang melanda dunia secara tidak sedar merupakan rahmat kepada perbankan Islam dan telah meletakkan perbankan Islam sebagai tumpuan dan alternatif penting kepada perbankan konvensional. Kekuatan intrinsik dan daya tahan yang dimiliki yang berjaya ditonjolkan bukan sekadar memberikan impak terhadap dan minimum pada perbankan Islam, malah telah mendorong badan-badan kewangan dunia seperti Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (*International Monetary Fund, IMF*) untuk mewujudkan jawatankuasa khas bagi mengkaji kekuatan dan keunikan infrastruktur perbankan Islam. Justeru, kajian ini adalah untuk mengkaji serta mengemukakan ciri-ciri spesifikasi dan daya tahan institusi yang menjadikan perbankan Islam dapat berfungsi dengan baik dalam mengharungi serta meminimumkan kesan krisis kewangan global yang berlaku. Hasil kajian mendapati kestabilan dan kekukuhan yang wujud pada perbankan Islam adalah disebabkan industri ini rata-ratanya berpaksikan pada prinsip tegahan riba, mengadaptasi prinsip perkongsian untung rugi serta konsep jualan dengan tambahan harga (*mark-up price*). Bagaimanapun halangan utama yang wujud yang menjadikan perbankan Islam tidak sepenuhnya stabil dan kukuh adalah disebabkan perbankan Islam masih beroperasi dalam kerangka kewangan konvensional yang menjadi kekangan utama dalam mengimplementasikan keseluruhan ciri-ciri spesifikasi yang dimiliki.

Kata Kunci: Perbankan Islam dan Ketidakstabilan Kewangan

### PENDAHULUAN

Bahang krisis kewangan global 2007-2008 dan episod teruk ketidakstabilan sistem perbankan dan kewangan yang melanda dunia masih dirasai hingga kini (Vaaler dan Namara, 2004)<sup>1</sup>. Krisis terburuk selepas “*the Great Depression*” sekitar 1930an yang belum pernah berlaku sebelum ini<sup>2</sup> bukan sahaja melembapkan pertumbuhan ekonomi (Khan, 2008 dan Laporan Ekonomi 2009/2010), malah telah menengahkan isu-isu berkaitan kestabilan dan daya tahan institusi perbankan. Krisis ini juga telah meranapkan beberapa institusi perbankan bersaiz mega selain menghakis keyakinan awam terhadap sistem perbankan sebagai perantara yang selamat dan stabil. Malah ada di kalangan negara yang telah mengambil langkah menstrukturkan kembali institusi bank termasuk juga syarikat-syarikat kewangan domestik<sup>3</sup> bagi mengembalikan semula ekonomi seperti sedia kala (Li dan Zhang, 2010).

Krisis yang melanda ini juga turut mendinginkan persekitaran kewangan yang rata-ratanya mengakibatkan beberapa rantaian kesan buruk seperti pengurangan kredit dan perbelanjaan, peningkatan pengangguran, kejatuhan nilai pegangan saham, kemerosotan pulangan pelaburan di samping secara langsung menjejaskan prestasi firma secara tidak terkawal (Stiglitz, 2009). Ekoran kesan yang timbul ini, pelbagai usaha pemulihan telah diambil bagi memastikan kestabilan kewangan meskipun berdepan pelbagai risiko dan ketidaktentuan akibat sifat saling bergantung dan hubung kait yang wujud antara institusi kewangan yang menjadi penyumbang terbesar penguatan ekonomi (Zeti, 2011).

<sup>1</sup>P. M Vaaler dan G. M Namara mentakrifkan krisis sebagai satu tempoh yang singkat di luar jangkaan dan tidak menguntungkan terutamanya dalam persekitaran luar yang organisasi hadapi.

<sup>2</sup>Semenjak tahun 1980an lebih sembilan krisis kewangan telah melanda negara-negara tertentu di seluruh dunia dan krisis kewangan global 2007-2008 adalah yang paling buruk;

<sup>3</sup>Di kalangan negara-negara G7, Jepun antara negara paling lama terkesan dengan krisis ini yang terpaksa membuat penyusunan semula secara besar-besaran ke atas bank-bank dan syarikat kewangan;

Sektor perbankan negara juga terkesan dengan krisis yang berlaku ini ekoran sistem kewangan Malaysia mempunyai tahap saling kebergantungan tinggi serta terdedah kepada perubahan iklim ekonomi global. Melihat keadaan ini, kerajaan Malaysia mengambil inisiatif meluluskan Akta Bank Negara Malaysia 2009 yang berkuat kuasa 25hb November 2009 bagi menggantikan Akta Bank Negara Malaysia 1958. Akta baru ini secara jelas memperlihatkan mandat kestabilan institusi bank dan fungsi utamanya dalam menggalakkan kestabilan monetari dan kewangan yang kondusif bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia di samping turut menekankan aspek dedahan dan implikasi risiko yang berpotensi mengganggu proses pengantaraan kewangan serta risiko yang berkemungkinan menjejaskan keyakinan awam terhadap sistem perbankan (Bank Negara Malaysi, 2012).

JADUAL 1: Perbandingan Kesan Krisis Ke Atas Perbankan Islam dan Konvensional Terbesar

<i>Disember 2006- Mei 2009</i>	<i>Perbankan Konvensional</i>	<i>Perbankan Islam</i>
Modal Pasaran Secara Gabungan Keuntungan Bersih	↓ 42.8% Jatuh daripada USD116 bilion kepada USD42 bilion.	↓ 8.5% Meningkat daripada USD4.2 bilion kepada USD 4.6 bilion.
Jumlah Peningkatan Aset	36% (USD 17.4 trilion)	55% (USD147 bilion)
Jumlah Peningkatan Ekuiti	24%	36%
Nisbah Leveraj (Aset/Ekuiti)	Daripada 16x kepada 18.2x	Daripada 5.8x kepada 6.6x

Sumber: IFSB-IRTI-IDB Islamic Finance and Global Financial Stability Report (2010)

Melihat perkembangan yang berlaku ini, perbankan Islam sebenarnya turut terjejas, terdedah serta tidak kalis sepenuhnya kepada keadaan tidak stabil meskipun secara umum kelihatan kukuh dan tidak terkesan dengan krisis yang berlaku (Salina dan M. Shabri, 2007, Qattan, 2006 dan Rifaat, 2009). Cuma krisis yang melanda ini hanya memberi kesan minimum dan masih terkawal berbanding perbankan konvensional yang mengalami penurunan teruk khusus dari aspek modal pasaran (*combined market*) dan keuntungan bersih. Atas faktor ini, perbankan Islam juga bertanggungjawab dalam usaha memastikan kestabilan bagi mengelakkan industri terus terjerumus dan terdedah kepada bentuk risiko baru lain yang melibatkan reputasi, kepercayaan dan hubungan yang kesemuanya mempunyai kos pengantaraan yang cukup tinggi (Hossein et al, 2009).

Selain itu tanggungjawab memastikan kestabilan dalam perbankan Islam bukan sekadar memenuhi tanggungjawab ekonomi semata-mata, malah melibatkan tuntutan agama melalui pencapaian matlamat *Syari'ah* yang tinggi<sup>4</sup> yang melibatkan pemeliharaan harta dan kekayaan (Jasser, 2008)<sup>5</sup>. Matlamat ini hanya dapat direalisasikan menerusi pemeliharaan fungsi pengantara, pengurangan kerugian, melindungi kepentingan awam seterusnya meningkatkan keyakinan awam terhadap institusi (Asyraf Wajdi dan Abdulazeem, 2007).

## KESTABILAN KEWANGAN

### Definisi Kestabilan Kewangan

Kestabilan adalah kata nama yang membawa maksud perihal atau keadaan stabil (Kamus Dewan, 1994). Manakala perkataan stabil pula bermaksud tidak berubah-ubah, tidak bergoyang, mantap dan tenang (Jasser, 2008)<sup>6</sup>. Kamus *Cambridge Advance Learner's Dictionary* mendefinisikan perkataan kestabilan sebagai menjadi tetap atau berhenti berubah (*Cambridge Advanced Learner's Dictionary*, 2003). Perkataan kewangan pula dalam bahasa Inggeris disebut sebagai *financial* yang merupakan kata sifat yang berhubung kait dengan wang dan bagaimana wang diuruskan (*Cambridge Advanced Learner's Dictionary*, 2003). Kamus *Oxford English Dictionary* memberikan definisi kewangan sebagai sains bagi mengurus wang manakala *Webster's Dictionary* mendefinisikan perkataan kewangan sebagai satu sistem yang mengandungi aliran pusingan wang, memberikan kredit,

<sup>4</sup>Perkataan *maqasid* adalah jamak daripada perkataan *maqsid* yang merujuk kepada satu matlamat, objektif, prinsip, niat, gol, akhir, *telos* (Greek), *finalate* (Perancis) atau *Zweck* (Jerman). *Maqasid al-Syari'ah* ialah objektif-objektif atau tujuan di sebalik perundangan Islam. Bagi ahli-ahli perundangan Islam, *maqasid* merupakan ekspresi alternatif untuk kebaikan orang ramai.

<sup>5</sup> Selain matlamat pemeliharaan harta, objektif *Syari'ah* juga bermatlamatkan pemeliharaan agama, diri, nyawa dan akal yang mempunyai perkaitan dengan *maslahah*.

<sup>6</sup> *Ibid*.

membuat pelaburan dan membekalkan kemudahan-kemudahan bank (*Oxford Dictionary of Business English*, 2000). Seterusnya kamus *Dictionary of Economic* mentakrifkan kestabilan merujuk sejauh mana harga keseimbangan atau penetapan harga akan diperoleh walaupun sebarang kejutan kepada sistem yang sementara menggerakkan harga jauh daripada tahap keseimbangan (Nagpal, 1995).

Apabila digabungkan perkataan 'kestabilan' dan 'keuangan', ia membawa pengertian yang penting dan pelbagai kerana melibatkan pembangunan instrumen-instrumen yang berkaitan analisis serta reka bentuk kerangka dasar dan operasi (Chant, 2003). Tugas mentakrifkan kestabilan kewangan sehingga kini diakui sebagai tugas yang rumit berkaitan bidang ini relatifnya masih baru berbanding bidang-bidang kestabilan lain yang melibatkan harga ataupun monetari yang sudah bertapak lama (A. Crockett, 1997). Berikut merupakan beberapa definisi umum mengenai kestabilan kewangan yang dikemukakan oleh ahli-ahli perbankan dan kewangan;

C. S Nagpal misalnya berpandangan kestabilan kewangan adalah keadaan di mana institusi kewangan khususnya bank berupaya menggalakkan, bukan menghalang prestasi ekonomi serta menyerap ketidakseimbangan yang timbul secara endogen kesan berlakunya peristiwa buruk yang tidak dijangka (Schinasi, 2004). Padoa-Schiopao pula melihat kestabilan kewangan sebagai keadaan di mana institusi perbankan berupaya menghadapi kejutan tanpa memberi laluan kepada sebarang proses yang boleh menjejaskan peruntukan simpanan, peluang pelaburan dan sistem pembayaran dalam ekonomi (Schioppa, 2002).

Carl-Johan Lindgren, Gillian Garcia dan Matthew I. Saal pula melihat kestabilan kewangan sebagai keupayaan bank menghadapi peristiwa-peristiwa yang tidak diingini seperti rempuhan bank (*bank run*), perubahan dasar utama, liberalisasi kewangan dan bencana alam. Jadi kestabilan akan menggambarkan keupayaan bank untuk terus kekal solven dan utuh walaupun berada di bawah kondisi ekonomi yang sukar dengan menggunakan akaun modal dan rizab yang dimiliki (Lindgren et al, 1996).

Seterusnya Kirchene dan Mirakhor yang merupakan antara tokoh dalam bidang perbankan dan kewangan Islam melihat kestabilan kewangan sebagai satu konsep perakaunan yang menyampaikan idea kesolvenan dan keseimbangan bagi sesebuah entiti di mana kedudukan perbendaharaan sentiasa cair di mana dananya datang daripada pelbagai sumber meliputi aliran pendapatan (gaji, bayaran pindahan, cukai, pendapatan faedah, dividen, keuntungan), pinjaman, jualan aset dan kewangan yang rata-ratanya melebihi penggunaan. Penggunaan pula terdiri daripada perbelanjaan semasa (termasuk pembayaran faedah), perbelanjaan modal, pembelian aset, pinjaman atau pelunasan hutang (Kirchene dan Mirakhor, 2009).

Walaupun pelbagai pandangan dikemukakan, kestabilan kewangan secara umum boleh disimpulkan dengan maksud kekukuhan, iaitu bank mempunyai modal dan mudah tunai mencukupi bagi menyerap kerugian normal dan tidak normal serta dapat menguruskan operasi walaupun dalam keadaan turun naik (Donath dan Cismas (2008). Jadi kestabilan kewangan melibatkan keupayaan institusi kewangan untuk: i. menyediakan peruntukan sumber ekonomi dengan cekap dan keberkesanan proses ekonomi lain dalam pengumpulan kekayaan, pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran sosial, ii. menilai, memperuntukkan dan menguruskan risiko kewangan; dan iii. mengekalkan kemampuan untuk menjalankan fungsi utama walaupun dipengaruhi oleh kejutan atau ketidakseimbangan luaran (Schinasi, 2004).

## **KEPERLUAN KEPADA KESTABILAN**

Institusi bank adalah tunjang sistem kewangan sesebuah negara yang melaksanakan pelbagai peranan dan menggunakan pelbagai input dalam proses pengantaraan termasuk menjalankan fungsi pelaksanaan dasar kewangan (Viverita et al, 2007). Sebagai sebahagian daripada pasaran, kelakuan bank akan memberi pengaruh besar tidak hanya kepada institusi, malah seluruh sistem kewangan. Terdapat beberapa alasan kenapa kestabilan kewangan perlu dijadikan matlamat utama institusi perbankan, antaranya;

- i. **Keyakinan Masyarakat:** Keyakinan masyarakat merupakan penentu utama keselamatan sesebuah bank, malah melebihi kepentingan modal (Shamsudin, 2009). Keyakinan lahir apabila institusi kewangan berada pada tahap diyakini, kukuh dan sentiasa bersedia memenuhi tuntutan kontraktual tanpa sebarang gangguan. Pembinaan keyakinan dalam konteks ini terbahagi kepada dua, iaitu mikroekonomi dan makroekonomi. Di peringkat mikroekonomi, tumpuan diberikan kepada usaha menegakkan pendedahan risiko individu bank (risiko tidak sistemik), manakala di peringkat makroekonomi melibatkan usaha pengasingan kegagalan bank, di mana pihak berkuasa akan cuba memastikan bank dikendalikan menerusi kaedah yang selamat serta terjamin (Abdul Ghafar dan Shofian, 2011).

- ii. **Keputusan pendeposit:** Pendeposit adalah penyumbang terbesar dana bagi bank. Bank bertanggungjawab
- iii. sepenuhnya memastikan kepentingan pendeposit sentiasa berada dalam keadaan baik serta selamat. Melihat akan kepentingan ini, bank pusat selaku pengawal selia akan berusaha memastikan bank-bank perdagangan melaksanakan tanggungjawab ini dengan sempurna kerana pendeposit umumnya tidak memiliki pengetahuan mendalam mengenai operasi serta keadaan bank yang melibatkan konsep dan teknik penilaian yang sukar difahami (PIDM, 2011).
- iv. **Asas Dasar Kewangan:** Kestabilan kewangan penting bagi bank pusat menjalankan dasar kewangan negara yang bertujuan mengoptimalkan bekalan wang dalam ekonomi. Keberkesanan dasar ini banyak bergantung kepada sejauh mana sumbangannya terhadap pencapaian guna tenaga penuh, kawalan inflasi dan galakan pertumbuhan ekonomi. Bank pusat lazimnya menggunakan tiga kaedah atau instrumen utama yang memberi kesan langsung ke atas kuantiti wang dan kredit dalam ekonomi. Tiga instrumen tersebut adalah operasi pasaran terbuka, deposit rizab berkanun dan pinjaman oleh bank pusat kepada institusi-institusi kewangan (Abdul Ghafar dan Shofian, 2011)<sup>7</sup>.
- v. **Sumbangan Terhadap Ekonomi:** Institusi bank mempunyai peranan yang signifikan dalam pembangunan ekonomi negara dengan menyediakan pasaran yang mempertemukan keperluan kompleks penyimpan dan pelabur. Kewujudan bank memberi kelebihan kepada orang ramai khususnya pendeposit (IFSB, 2011 dan Mustapa, 1999) untuk menyimpan aset kewangan seterusnya bank menyalurkannya kepada pelabur untuk tujuan menjana pulangan (Karsten, 2007). Melihat kepada peranan ini, penting bagi institusi bank beroperasi dengan lancar, kukuh, berdaya tahan dan cekap khusus dalam memobilisasi tabungan dan penjana pinjaman meskipun dalam keadaan kegawatan ekonomi (BNM, 2011).

### Kestabilan Kewangan Menurut Islam

Melihat kepada kepentingan kestabilan kewangan<sup>8</sup>, harus diingatkan bahawa Islam turut memandag berat perkara ini. Ini kerana objektif utama cara hidup Islam ialah memelihara kebajikan manusia<sup>9</sup> di mana tidak akan lengkap di dunia ini tanpa kesejahteraan ekonomi (Chapra, 1985). Kesejahteraan ekonomi pula tidak akan dicapai tanpa sistem kewangan yang stabil. Sehubungan itu, terdapat beberapa bukti daripada al-Qur'an, al-Sunnah, dan pandangan *fuqaha'* yang menyentuh secara umum mengenai keperluan terhadap kestabilan kewangan. Sebagaimana al-Qur'an menjelaskan bagaimana Nabi Yusuf a.s membuat perancangan bagi menghadapi masalah kebuluran yang bakal melanda penduduk Mesir setelah mendapat berita kedatangan kemarau berdasarkan mimpi pemerintah Mesir pada ketika itu. Peristiwa ini dirakamkan dalam al-Qur'an, menerusi firman Allah s.w.t seperti berikut;

**Firman Allah s.w.t; Yusuf menjawab:** *"Hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu ketam biarkanlah dia pada tangkai-tangkainya kecuali sedikit dari bahagian yang kamu jadikan untuk makan (47). Kemudian akan datang selepas tempoh itu, tujuh tahun yang bersangatan kemaraunya, yang akan menghabiskan makanan yang kamu sediakan baginya kecuali sedikit dari apa yang kamu simpan (untuk dijadikan benih) (48). "Kemudian akan datang pula sesudah itu tahun yang padanya orang ramai beroleh rahmat hujan, dan padanya mereka dapat memerah (hasil anggur, zaitun dan sebagainya)".*

(Surah Yusuf 12: 47-49)

Berdasarkan ayat di atas, dapat kita lihat bahawa Nabi Yusuf a.s. mencadangkan supaya penduduk Mesir bercucuk tanam bersungguh-sungguh semasa tujuh tahun yang makmur dan menyimpan sebahagian besar hasil tanaman tersebut sebagai persiapan menghadapi masa kritikal iaitu musim kemarau yang bakal melanda bagi tujuh tahun berikutnya. Masa kritikal tersebut dalam konteks

<sup>7</sup>Operasi pasaran terbuka melibatkan pembelian dan jualan sekuriti oleh pusat bank dan merupakan alat yang paling kerap digunakan dalam melaksanakan polisi monetari kerana menyediakan kemudahan dan fleksibiliti. Deposit rizab berkanun pula merupakan peratusan tetap liabiliti deposit di bank pusat. Pergerakan dalam peratusan rizab ini akan memberi kesan kepada kuantiti wang dan kredit dalam ekonomi. Seterusnya pinjaman oleh bank pusat pula dirujuk sebagai dana antara bank dan kadar yang dibayar dipersetujui antara bank pusat dengan bank perdagangan.

<sup>8</sup>Kestabilan kewangan berlaku apabila suatu sistem kewangan itu mampu menjana prestasi ekonomi dan menghilangkan ketidakseimbangan kewangan yang lahir hasil daripada peristiwa-peristiwa buruk yang ketara dan tidak dijangka.

<sup>9</sup>Ia merupakan persetujuan yang disepakati oleh semua pakar perundangan Islam bahawa kebajikan manusia dan meringankan penderitaan semua orang ialah objektif *Syari'ah*.

keuangan moden hari ini boleh dikategorikan sebagai *recession period* atau kemelesetan atau ketidakstabilan.

Pelan yang dirangka oleh Nabi Yusuf a.s ini dapat dilaksanakan setelah baginda dilantik menjadi menteri ekonomi. Hasilnya, Mesir dapat bertahan sepanjang tempoh kemarau tersebut dan risiko kebuluran dapat dikurangkan kerana sebahagian besar bahan makanan telah disimpan. Ini adalah bukti jelas betapa pentingnya tindakan-tindakan strategik diambil untuk mengekang dan mengurangkan risiko yang dijangka akan berlaku. Ketidakstabilan juga merupakan antara risiko yang perlu dihindari. Ini adalah kerana suatu risiko yang tidak diurus dengan baik boleh membawa mudarat kepada banyak pihak. Justeru, langkah proaktif perlu diambil bagi memastikan sistem kewangan negara sentiasa stabil agar aktiviti ekonomi dapat dilakukan demi kelangsungan hidup.

Kepentingan kestabilan kewangan juga mempunyai asas yang kukuh dalam al-Sunnah seperti sabda Rasulullah s.a.w:

**Maksudnya:** *Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda: “Seorang mukmin yang kuat adalah lebih baik di sisi Allah s.w.t daripada mukmin yang lemah, dan pada masing-masing itu ada kekuatan, bersungguh-sungguhlah terhadap perkara yang memberi manfaat kepada kamu dan mintalah pertolongan daripada Allah dan jangan merasa lemah. Dan sekiranya sesuatu menimpa kamu, janganlah kamu katakan: “kalau aku buat begini, tentu akan jadi begini” tetapi ucapkanlah: “Allah telah menentukan dan Dia telah melakukan apa yang dikehendakiNya, sesungguhnya “kalau” itu membuka ruang syaitan bertindak.”*

(Hadith riwayat Imam Muslim, dan Ibnu Majah)

*Hadith* di atas menggambarkan kekuatan dan semangat itu perlu dalam kehidupan seorang mukmin. Walaupun Imam Nawawi menjelaskan maksud kekuatan yang dapat difahami daripada *hadith* di atas ialah kekuatan rohani sehingga boleh membawa kepada kejayaan menguruskan hal dunia dan hal-hal yang berkaitan dengan ibadat, namun skop pengertiannya boleh diperluaskan meliputi kekuatan fizikal, ekonomi, dan harta (al-Nawawi, 1929). Hal ini kerana asas kekuatan seseorang mukmin bukan sahaja lahir daripada iman yang kuat, tetapi juga fizikal yang sihat dan ekonomi yang kukuh. Ini secara langsung menggambarkan usaha mencapai kestabilan kewangan adalah dituntut dalam Islam. Hal ini kerana ekonomi yang kukuh tidak dapat dicapai tanpa sistem kewangan yang stabil.

Selain daripada anjuran daripada al-Qur’an dan al-Sunnah terhadap usaha memastikan kestabilan kewangan, ‘*ulama*’ silam dan masa kini turut menyokong konsep ini. Hal ini adalah berdasarkan kepada konsep *masalahah* dan *maqasid al-Syari’ah* yang turut menekankan pembangunan harta dan memeliharanya daripada hilang atau rosak (Nyazee, 2000)<sup>10</sup>.

Secara umumnya, *Syari’ah* Islam diutuskan kepada manusia untuk menghasilkan kebaikan (جلب المصالح) kepada manusia dan menolak keburukan (درء المفاسد) daripada mereka (Mahmood dan Paizah, 2004). Inilah yang menjadi dasar kepada pembentukan teori *maqasid al-Syari’ah*. Secara ringkasnya, *maqasid al-Syari’ah* dari perspektif *masalahah* yang hendak dijaga oleh *Syari’ah* boleh dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu *daruriyat* (keperluan asasi), *hajiyyat* (keperluan kehendak) dan *tahsiniyat* (keperluan pelengkap) (Al-Syatibi, 1997). *Daruriyat* merupakan keperluan paling utama yang dipelihara oleh syariat dan ia meliputi *al-daruriyat al-khams* (lima kepentingan asas) iaitu agama, nyawa, keturunan, harta dan akal. Ini bermakna memelihara harta adalah salah satu objektif asasi *Syari’ah* (Al-Ghazali, t.t).

Saranan Islam agar memelihara harta secara tidak langsung menggambarkan tentang kepentingan mengelakkan mudarat. Dalam konteks perbincangan kita, mudarat yang perlu dielakkan ialah krisis dan ketidakstabilan kewangan. Justeru, pentingnya kestabilan kewangan dikekalkan agar harta dan kekayaan negara dapat dipelihara sekali gus menjaga kebajikan rakyat. Ini bermakna, usaha memelihara harta dan mengembangkannya perlulah seiring dengan usaha mengelakkan mudarat yang boleh menjejaskan harta. Tambahan pula, terdapat beberapa kaedah fiqh yang menekankan kepentingan mengelakkan mudarat seperti: *الضرار يزال* (Sebarang kemudaratan hendaklah dihilangkan), *درء المفاسد مقدم على جلب المصالح* (Menolak kemudaratan lebih diutamakan daripada mendapatkan kemaslahatan).

<sup>10</sup>*Maslahah* bermaksud kebajikan, kebaikan dan faedah. Kata jamak bagi *masalahah* ialah *masalih*. *Maslahah* menurut bahasa ialah menghasilkan kebajikan dan menjauhi keburukan.

## Kestabilan Kewangan: Relevansi Perbankan Islam

Krisis kewangan global yang melanda dunia secara tidak sedar merupakan rahmat kepada perbankan Islam dan telah meletakkan perbankan Islam sebagai tumpuan dan alternatif penting kepada perbankan konvensional (Rafe dan Edib, 2010 dan Karuvelil, 2010). Melaluinya kekuatan intrinsik yang dimiliki berjaya ditonjolkan ekoran krisis yang berlaku hanya memberikan impak terhad dan minimum pada perbankan Islam. Daya tahan ini telah mendorong badan-badan kewangan antarabangsa seperti Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (*International Monetary Fund, IMF*) untuk mewujudkan sebuah jawatankuasa khas bagi mengkaji kekuatan infrastruktur perbankan Islam (Berita Harian, 2011). Justeru, bahagian ini akan mengemukakan beberapa ciri serta peranan yang dimainkan perbankan Islam terhadap fungsi kestabilan dan kekukuhan yang rata-ratanya berpaksikan kepada prinsip tegahan riba, perkongsian untung rugi dan jualan dengan tambahan harga (*mark-up price*); Antaranya;

- i. **Berasaskan Ekonomi Benar:** Injunksi *Syari'ah* menghendaki setiap urusan niaga yang berlaku dalam perbankan Islam disandarkan kepada aset dan aktiviti sebenar<sup>11</sup> yang menghubungkan aliran kewangan dengan aliran produktif (Choudury, 2010, Zeti, 2008 dan Asyraf, 2011)<sup>12</sup>. Berdasarkan injunksi ini, pengembangan kredit yang berlaku dalam perbankan Islam tidak boleh dibuat sewenang-wenangnya dan mesti bersandarkan kepada transaksi jual beli barangan serta perkhidmatan sebenar (Chapra, 2009). Dalam konteks pelaburan pula, pengaturan prinsip perkongsian untung rugi (PLS) yang dikemukakan oleh Islam menghendaki wujudnya penyepaduan antara usaha dan risiko dalam pelaburan sebenar. Melalui pengaturan ini, aktiviti benar dijangka dapat menjana keuntungan yang cukup untuk menampung risiko yang diambil oleh perbankan Islam. Merujuk pada kedua-dua prasyarat ini, secara tidak langsung aktiviti pembiayaan berteraskan "*making money out of money*"<sup>13</sup> serta penggunaan instrumen leveraj berbilang lapis yang mengakibatkan peningkatan risiko sistemik dapat dikekang<sup>14</sup> yang akhirnya menjadikan perbankan Islam menjadi lebih stabil serta kukuh (Zeti, 2008).
- ii. **Dimensi Etika dan Moral:** Sistem perbankan Islam tidak boleh dipisahkan dari perspektif nilai etika<sup>15</sup> dan moral seperti yang digariskan dalam *Al-Qur'an* dan al-Sunah (Saiful Azhar dan Mohd Afandi, 2003 dan Nayyer, 2006 dan IAIE, 2009). Prinsip ini ditanam dalam peraturan operasi perbankan Islam melalui tegahan ke atas beberapa aktiviti penstrukturan produk yang jelas tidak beretika dan berdosa dan aktiviti yang penuh dengan unsur-unsur penindasan dan eksploitasi serta berbahaya kepada kehidupan (Alsadek dan Wothington, 2008 dan IAIE, 2009). Dalam konteks kewangan semasa, bentuk urusan niaga yang mengandungi unsur-unsur di atas adalah seperti jual beli hutang sub-prima dalam bentuk produk derivatif seperti CMO, CDO (*mortgage-based collateralized debt obligations*) dan CDS (*credit default swaps*) yang bukan sahaja disifatkan tidak beretika, malah dikategorikan sebagai satu bentuk eksploitasi yang diharamkan (Ahamed Kameel Mydin, 2011)<sup>16</sup>.
- iii. **Perkongsian Risiko:** Perbankan Islam mempunyai keupayaan mencipta wang melalui pelaksanaan prinsip perkongsian untung dan rugi tanpa perlu bergantung pada penggunaan kadar faedah (*interest*) ataupun *riba*<sup>17</sup> (Farhad, 2004). Prinsip ini bukan sahaja mampu memastikan pengagihan saksama dalam keuntungan dan risiko, malah mampu mewujudkan keadilan kepada semua pihak yang terlibat (Joni Tamkin, 2004)<sup>18</sup>. Dalam perbankan Islam,

<sup>11</sup> Islam amat menggalakkan umatnya untuk melabur dalam sektor benar dan produktif ataupun sekurang-kurangnya wujud penyelarasan antara sektor kewangan dengan sektor benar.

<sup>12</sup> Produk-produk yang ditawarkan oleh perbankan Islam sama ada dalam bentuk kontrak ekuiti (*equity contract*) dan kontrak hutang (*debt contract*) semuanya disandarkan kepada aset pendasar (*underlying asset*) dan aktiviti ekonomi sebenar.

<sup>13</sup> Islam menegah menghasilkan wang ke atas wang menuntut agar umat Islam kembali kepada wang tunai atau sistem ekonomi barter. Ini bermakna semua pihak yang mengurus niaga akan berkongsi risiko, keuntungan atau kerugian usaha, dan tidak ada pihak yang mendapat pulangan tetap daripada kontrak kewangan.

<sup>14</sup> Ini memandangkan aktiviti leveraj secara melampau akan menjadikan sistem perbankan rapuh bagaikan buih-buih yang menanti masa untuk pecah sebagaimana yang pernah terjadi dan dialami oleh gergasi-gergasi ekonomi dunia.

<sup>15</sup> Saiful Azhar Rosly dan Mohd Afandi Abu Bakar mentakrifkan etika dalam perbankan sebagai pengendalian perniagaan melalui kaedah perkongsian risiko dan nilai-tambah terhadap ejen-ejen yang mengambil bahagian.

<sup>16</sup> Malah pengalaman krisis lalu menurut Ahamed Kameel Mydin Meera membuktikan perbankan Islam kelihatan stabil dan mampu mengatasi krisis atas faktor mereka tidak melabur dalam instrumen-instrumen ini yang mengakibatkan kejatuhan nilai mata wang.

<sup>17</sup> Walau bagaimanapun sehingga kini masih wujud salah faham di kalangan orang ramai khususnya masyarakat Islam yang menganggap proses penciptaan wang melalui pulangan atau keuntungan pelaburan berisiko juga ditegah oleh Islam.

<sup>18</sup> Menurut Joni Tamkin Borhan, prinsip perkongsian untung rugi seperti mudarabah dan musyarakah memberi pengaruh yang sangat baik kepada posisi pekerja. Antaranya mereka akan berasa gembira dan berpuas hati terhadap pembahagian keuntungan yang dibuat. Selain itu, perjanjian *mudarabah* juga akan menggalakkan *mudarib* dan *sahib al-mal* untuk lebih kuat bekerja

prinsip ini banyak diaplikasikan dalam membentuk dasar operasi perbankan Islam ekoran kemampuannya menyumbang kepada kestabilan melalui pengenalan disiplin yang ketat di mana bank akan turut terlibat berkongsi risiko dengan mereka yang menerima pembiayaan (Chapra, 2009, Bashir, 1983, Habib Ahmed, 2002 dan Chong dan Min Hua 2009)<sup>19</sup>. Manfaat penglibatan ini akhirnya akan mendorong kepada kewujudan satu sistem ekonomi dengan tahap integriti tinggi yang berkeupayaan menangkis sebarang bentuk kejutan selain berupaya mengelakkan masalah rempuhan pada institusi bank (Mabid Ali, 2005)<sup>20</sup>

- iv. **Urus Tadbir Telus:** Perbankan Islam dikehendaki mematuhi piawai ketelusan dan disiplin yang tinggi. Prinsip ketelusan bermaksud semua maklumat perlu dikongsi oleh pihak yang mengurus niaga bagi memastikan setiap aktiviti bank tidak bercanggah dengan prinsip Syarak selain menggalakkan bank menguruskan risiko sewajarnya (Abdullah, 2009 dan Muhammad, 2005). Ini memandangkan perbankan Islam terdedah kepada pelbagai bentuk risiko unik kesan penggunaan pelbagai kontrak kewangan dalam penstrukturan produk di mana setiap kontrak mempunyai karakter serta prasyarat khusus yang digariskan *Syari'ah* (Asyraf Wajdi, 2011). Selain itu, penzahiran dan tadbir urus yang telus juga akan membantu bank membuat penetapan premium risiko berpatutan kepada pelanggan selaku *mudarib* (pengusaha)<sup>21</sup>, sekaligus meningkatkan keupayaan disiplin pasaran untuk berfungsi. Ciri semula jadi ini sebagaimana yang dituntut oleh injunksi *Syari'ah* menyediakan keseimbangan yang terbina secara dalaman, yang berperanan memastikan kestabilan perbankan Islam (Zeti Akhtar, 2008). Justeru perbankan Islam perlu memastikan ketelusan urus tadbir berada pada paras yang diyakini bagi memastikan matlamat kestabilan dapat dicapai.
- v. **Kesepadanan Aset dan Liabiliti:** Ketidakpadanan antara aset dan liabiliti merupakan isu yang sering timbul dan menjadi masalah kepada institusi bank selaku institusi pengambil deposit (*deposit-taker institutions*). Isu ini timbul apabila bank tidak dapat menjangkakan dengan tepat pengeluaran deposit (*withdrawal*), dan pada masa sama bank menyalurkan dana deposit tersebut kepada pelanggan bagi tujuan pinjaman untuk tempoh yang panjang. Keadaan ini lazimnya akan mencetuskan keadaan tidak stabil pada bank (Diamond dan Dybvig, 1983). Perbankan Islam mengatasi masalah ini melalui peruntukan dana deposit ke dalam pembiayaan berasaskan prinsip *mudarabah* dan *musyarakah*. Melalui kaedah ini, struktur aset dan liabiliti bank diperluaskan melalui persaingan untuk mendapatkan peluang pelaburan sebenar (Institute of Islamic Banking and Insurance, 2011). Sekiranya berlaku pulangan yang rendah di sebelah aset, kerugian ini akan diserap sepenuhnya di sebelah liabiliti di mana pendeposit turut bersama menanggungnya. Praktis sebegini bukan sahaja berupaya membawa kestabilan, malah membolehkan perbankan Islam mengekalkan nilai bersih yang tinggi meskipun berada di bawah situasi ekonomi yang sukar (Gangopadhyay et al, 2000 dan Salman, 2007).
- vi. **Peruntukan Sumber:** Islam amat mementingkan peruntukan sumber secara adil dan optimum kepada setiap golongan masyarakat dan sangat menegah sirkulasi kekayaan<sup>22</sup> yang hanya tertumpu pada kelompok tertentu dalam masyarakat (Ibn Asyur, 1999)<sup>23</sup>. Perbankan Islam memainkan peranan peruntukan ini melalui tegahan ke atas pengambilan dan pengenaan faedah (*interest*) ke atas pelanggan. Tegahan faedah ini diakui oleh majoriti ahli-ahli ekonomi monetari sebagai kaedah berkesan bagi pencapaian matlamat peruntukan sumber yang cekap dan optimum (Harold dan Narayana, 1998). Jadi melalui tegahan ini, perbankan Islam dilihat berada pada landasan singkat untuk mencapai matlamat peruntukan seperti yang ditetapkan (Mabid Ali, 2005). Matlamat ini dicapai menerusi dua kaedah pembiayaan Islam terkenal iaitu pembiayaan berasaskan jualan dengan tambahan harga dan berasaskan prinsip perkongsian untung. Kedua-dua kaedah yang disediakan ini bukan sahaja dapat menggalakkan kecekapan

---

kerana setiap peningkatan dalam keuntungan kasar akan turut memberi kesan kepada peningkatan bahagian keuntungan pihak yang terlibat berasaskan perjanjian awal yang dimeterai.

<sup>19</sup> Pembiaya selaku bank turut menanggung risiko kerjasama dengan pelanggan atas kejayaan atau kegagalan sesuatu projek perniagaan atau pelaburan.

<sup>20</sup> Model perkongsian untung rugi (PLS) sebenarnya ini tidak asing dalam kesusasteraan ekonomi, memandangkan Friedman (1969) pernah mencadangkan model sama bagi mengelakkan rempuhan bank. Bank juga terlibat dalam proses membuat keputusan, tetapi di peringkat firma bersama-sama ahli lembaga pengarah.

<sup>21</sup> Sebagai contoh, kontrak *mudarabah* memerlukan perbankan Islam selaku *Sahib al-mal* sentiasa meneliti dan membuat pemantauan rapi terhadap aktiviti perniagaan dan pelaburan pelanggan selaku *mudarib* bagi mengelakkan masalah '*moral hazard*'. Keuntungan kemudiannya dikongsi berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui.

<sup>22</sup> Ini juga disebut sebagai '*al-Rawa'*' yang bermaksud harta mesti berlegar di kalangan seramai mungkin individu dengan kaedah yang betul.

<sup>23</sup> Tegahan ini dapat dilihat menerusi firman Allah s.w.t dalam Surah *al-Hasyr* ayat 7, yang jelas melarang perlakuan sebegini bagi mengelakkan sebarang penganiayaan berlaku pada golongan yang tidak berkemampuan.

pengagihan, kestabilan dan pelaburan, malah dapat membantu mengurangkan kemiskinan (Habib Ahmed, 2002).

- vii. **Penciptaan Kredit Secara Terkawal:** Islam hanya mengiktiraf wang sebagai alat pertukaran bukan sebagai komoditi bagi tujuan penjanaaan wang (Ali dan Sarkar, 1995). Fungsi wang yang diletakkan oleh Islam ini ternyata menjadikan pengembangan kredit dalam perbankan Islam berlaku secara terkawal<sup>24</sup> di mana pembiayaan hanya diperuntukkan pada unit-unit perniagaan yang telah dikenal pasti dan untuk kegunaan yang telah ditentukan (Mabid Ali, 2005). Melalui kaedah ini perbankan Islam bukan sahaja dapat memantau penggunaan dana pembiayaan secara terperinci (Chapra, 2009), malah dapat mengurangkan kategori peminjam sub prima yang berpotensi memberi masalah dan menjejaskan kestabilan perbankan Islam kelak. Selain itu, fungsi wang yang diletakkan oleh Islam membantu perbankan Islam memperkukuhkan lagi dasar beri pembiayaan sedia ada dalam pasaran kewangan seiring dengan perkembangan kewangan semasa (Chapra, 2009).
- viii. **Spekulasi Ketidakstabilan:** Transaksi yang berlaku dalam perbankan Islam adalah berasaskan perdagangan tulen dan kreditor sama sekali tidak dibenarkan memindahkan risiko kepada seseorang melalui aktiviti penjualan hutang<sup>25</sup>. Tegahan ini secara tidak langsung membantu menghapuskan urus niaga spekulatif dan derivatif selain dapat mengelakkan paras hutang daripada mengalami kenaikan jauh melebihi saiz sebenar ekonomi (Chapra, 2009). Kesan tegahan ini juga membolehkan perbankan Islam memperuntukkan satu dana kewangan dengan saiz yang besar ke dalam sektor benar, seterusnya dapat mengembangkan peluang pekerjaan dan menghasilkan barangan keperluan dan perkhidmatan dengan matlamat kestabilan kewangan dan harga (Chapra, 2009). Selain itu, perubahan yang berlaku dalam perbelanjaan agregat juga dapat digambarkan sepenuhnya melalui perubahan permintaan dan penawaran sebenar barangan dan perkhidmatan yang menyebabkan kuantiti output bertindak balas lebih pantas terhadap kuasa pasaran. Dengan kata lain, kuasa dan mekanisme pasaran yang disokong oleh perbankan Islam akan cenderung menjadi lebih cekap dan lancar (Mabid Ali, 2005).

## PENUTUP

Berdasarkan bukti dan penjelasan yang telah dibincangkan jelas menunjukkan kestabilan kewangan perbankan Islam adalah asas penting bagi kelancaran sesebuah ekonomi. Institusi perbankan yang stabil bukan sahaja berupaya menguruskan risiko kewangan dengan cekap, malah mampu melaksanakan fungsi perantara dengan berkesan meskipun berdepan dengan kejutan dan ketidakseimbangan. Islam turut menekankan perkara ini dan penekanan yang dibuat boleh dilihat menerusi penurunan *Syari'ah* itu sendiri yang bermatlamatkan memelihara kemaslahatan manusia<sup>26</sup> melalui kesejahteraan ekonomi yang hanya dapat dicapai menerusi sistem kewangan yang stabil dan berdaya tahan. Fakta ini dibuktikan menerusi model atau kerangka sistem perbankan yang stabil yang diformulasi oleh para *fuqaha*, '*ulama*', sarjana dan ahli-ahli perbankan bersumberkan *Al-Qur'an*, *al-Sunnah*, *ijtihad* dan sumber perundangan Islam lain. Kerangka yang dibentuk ini bukan sahaja menjadikan perbankan Islam kekal stabil malah berupaya menongkah arus sistem kewangan semasa yang serba mencabar. Namun realiti hari ini, perbankan Islam tidak ampuh sepenuhnya dan masih terdedah kepada kejutan dan ketidakstabilan. Keadaan ini terjadi ekoran perbankan mempunyai pelbagai kekangan sama ada dari aspek polisi dasar, kawal selia, perundangan, urus tadbir, penstrukturan produk dan sebagainya untuk mengaplikasikan sepenuhnya kerangka kerja yang kemukakan oleh Islam dalam menjalankan perniagaan ekoran masih beroperasi dalam kerangka konvensional.

## RUJUKAN

P. M Vaaler dan G. M Namara (2004), "Crisis and competition in expert organizational decision making: credit rating agencies and their response to turbulence in emerging economies",

<sup>24</sup>Perbankan konvensional yang mempraktikkan pinjaman berasaskan faedah (*interest*) dengan pelarasan terhadap modal risiko lebih cenderung menyediakan pelanggan lebih kepercayaan kredit, bukannya projek-projek yang produktif.

<sup>25</sup>Aktiviti jualan hutang yang ditegah dalam konteks ini adalah jualan yang melibatkan aset hutang kewangan (*debt financial assets*) yang menjadi penyumbang terbesar pada ketidakstabilan kewangan seperti Krisis Subprima yang berlaku di Amerika Syarikat pada 2007-2008.

<sup>26</sup>Ia merupakan persetujuan yang disepakati oleh semua pakar perundangan Islam bahawa kebajikan manusia dan meringankan penderitaan semua orang ialah objektif *Syari'ah*.



- Organization Design*, Vol. 15, No. 6, h. 687-703.
- Iqbal Khan (2008), "Impacts of the Global Financial Crisis and Islamic Finance", (Kertas kerja dibentangkan di Islamic Development Bank, Jeddah pada 25hb Oktober 2008), h. 1-20.
- Laporan Ekonomi (2009/2010), *Kementerian Kewangan Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Kewangan Malaysia, h. 25-39.
- Lihua Li dan Qiang Zhang (2010), "Study Of Financial Stability Based On Nonlinear Dynamic Theory" (Kertas kerja dibentangkan di *International Conference on E-Product E-Service and E-Entertainment (ICEEE)*, pada 7-9hb November 2010 di Henan, China), h. 1-4
- Stiglitz J. E (2009), "The current economic crisis and the lesson for economic theory", *Eastern Economic Journal*, Vol. 35, h. 281-296.
- Zeti Akhtar Aziz (2011), "Kestabilan Kewangan: Kerjasama Serantau dan Global", (Ucapan sempena Sidang Kemuncak ke-8 Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam pada 12hb Mei 2011 di Luxemborg).
- Bank Negara Malaysia (2012), <http://www.bnm.gov.my/>, 18 hb Januari 2012.
- Asyraf Wajdi Dusuki (2011), "Sistem Perbankan Islam di Malaysia dan Dalam Transformasi Kewangan Dunia Islam", Prosiding Seminar Transformasi Sistem Pengurusan Islam di Malaysia 2011 pada 1-2hb Oktober 2011 bertempat di Dewan Tun Hussein Onn, PWTC Kuala Lumpur), h. 265-291.
- IFSB-IRTI-IDB Islamic Finance and Global Financial Stability Report (2010);
- Salina H. Kassim dan M. Shabri Abd. Majid (2007), "Impact of financial shocks on Islamic banks: Malaysian evidence during 1997 and 2007 financial crisis", *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, Vol. 3, No. 4, h. 291-305.
- Muhammad A Qattan (2006), "Shariah Supervision: The Unique Building Block of Islamic Financial Architecture", dalam Tariqullah Khan dan Dadang Muljawan (eds.), *Islamic Financial Architecture; Risk Management and Financial Stability*. Jeddah: Islamic Research and Training Institute, h. 24.
- Rifaat Ahmed Abdel Karim (2009), "Maintaining Financial Soundness of Institutions Offering Islamic Financial Services: Role of the IFSB", (Kertas kerja dibentangkan di *High Level Conference on Financial Stability*, pada 24hb November 2009 di Kuala Lumpur, h. 1-10.
- Hossein Askari, Zamir Iqbal dan Abbas Mirakhor (2009), *New Issues in Islamic Finance & Economics: Progress & Challenges*, Singapore: John Wiley & Sons (Asia) Pte. Ltd, h. 150.
- Jasser Muda (2008/1429H), *Maqasid al-Shari'ah as Philosophy of Islamic Law: A system approach*. London: The International Institute of Islamic Thought, h. 2.
- Asyraf Wajdi Dusuki dan Abdulazeem Abozaid (2007), "A critical on the challenges of realizing *Maqasid al-Shari'ah* in Islamic Banking and Finance", *IJUM Journal of Economics and Management*, Vol. 15, No. 2, h. 143-165.
- Kamus Dewan* (1994), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1255.
- Cambridge Advanced Learner's Dictionary* (2003), United Kingdom: Cambridge University Press, h. 1234.
- Oxford Dictionary of Business English* (2000), New York: Oxford University Press, h. 1258
- C. S Nagpal (1995), *Dictionary of Economics*. Kuala Lumpur: Crescent News (K.L) Sdn. Bhd, h. 323.
- A. Crockett (1997), "Why is Financial Stability a Goal of Public Policy?", *Symposium Proceedings Maintaining Financial Stability in a Global Economy*, Federal Reserve Bank of Kansas City, h. 55-96.
- John Chant (2003), "Financial Stability as a Policy Goal", dalam John Chant, Alexandria Lai, Mark Lilling dan Fred Danial (eds.), *Essays on Financial Stability*. Canada: Bank of Canada, h. 1-24.
- Garry J. Schinasi (2004), "Defining Financial Stability", *IMF Working Paper*, WP/04/187, h. 1-19.
- Padoa-Schioppa, T (2002), "Central Banks and Financial Stability: Exploring a Land in Between", (Kertas kerja dibentangkan di *Second ECB Central Banking Conference* di Frankfurt Main pada 24-25hb Oktober 2002
- Carl-Johan Lindgren, Gillian Garcia dan Matthew I. Saal (1996), "Bank Soundness And Macroeconomic Policy", *IMF Working Paper*, h. 215.
- Noureddine Kirchene and Abbas Mirakhor (2009), "Resilience and Stability of the Islamic Financial System: An Overview", (Kertas kerja dibentangkan di Seminar *Comparative Development of the Islamic Economic Model in context of current market conditions* pada 30hb Januari 2009 di London, UK), h. 1-19.
- Liliana Eva Donath dan Laura Mariana Cismas (2008), "Determinants of Financial Stability", *The Romanian Economic Journal* 29, h. 27-44.
- Viverita, Kym Brown dan Michael Skully (2007), *op. cit.*, h. 5-16.

- Shamsudin Ismail (2009), *Pengurusan Bank Perdagangan di Malaysia*. h. 342.
- Abdul Ghafar Ismail dan Shofian Ahmad (2011), "*op. cit.*", h. 1-26; Abdul Ghafar Ismail (2010), *Money, Islamic Banks and the Real Economy*. Singapore: Cengage Learning, h. 271.
- Perbadanan Deposit Insurans Malaysia, [http://www. pidm.gov.my/About-Deposit-Insurance/Member-Institution-List.aspx/](http://www.pidm.gov.my/About-Deposit-Insurance/Member-Institution-List.aspx/), 17hb November 2011.
- International Financial Services Board* (2010), *Islamic Finance and Global Financial Stability*. Jeddah: Islamic Development Bank, h.1-77.
- Mustapa Mohamad (1999), Keynote Speech, IKIM's International Seminar on the Economic and Financial Imperatives of Globalisation: An Islamic Response, pada 8-9 April 1999 di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Kuala Lumpur).
- Ingo Karsten (2007), "Islam and Financial Intermediation", dalam M. Kabir Hassan dan Mervyn K. Lewis (eds.), *Islamic Finance*. United Kingdom: Edward Elgar Publishing Limited, h.108-142.
- Bank Negara Malaysia, [www.bankinginfo.com.my/\\_system/media/downloadables/bnm\\_bm.pdf](http://www.bankinginfo.com.my/_system/media/downloadables/bnm_bm.pdf), 13hb Oktober 2011.
- Ingo Karsten (2007), "Islam and Financial Intermediation", dalam M. Kabir Hassan dan Mervyn K. Lewis (eds.), *Islamic Finance*. United Kingdom: Edward Elgar Publishing Limited, h.108-142.
- M. Umer Chapra (1985), *Towards a Just Monetary System*. Leicester: The Islamic Foundation, h. 35.
- Abu al-Husain Muslim Ibn al-Hajjaj Ibn Muslim al-Qushairi al-Naisaburi, (t.t). *al-Jami' al-Sahih*, Kitab al-Qadar, Jil. 8, h. 56; Abi 'Abdullah Muhammad bin Yazid al-Qazwini, (t.t), *Sunan Ibnu Majah*. Kitab al-Tijarat, Hadith No. 79, al-Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nasyr wa al-Tawzi', h. 29-30. *Hadith* ini dikategorikan sebagai Hasan Sahih.
- Al-Nawawi, Muhyi al-Din Yahya bin Sharf bin Mara bin Hasan bin Husin bin Hazam (1929), *Sahih al-Muslim Bi Syarh al-Nawawi*. Mesir: Matba'ah al-Misriyah bi al-Azhar, Juz.16, Cet. 1, h. 215.
- Nyazee (2000), *Islamic Jurisprudence (Usul al-Fiqh)*. Islamabad: Islamic Research Institute Press.
- Mahmood Zuhdi Ab Majid dan Paizah Ismail (2004). *Pengantar Pengajian Syariah*. Kuala Lumpur : al-Bayan Corporation Sdn. Bhd, h. 184-185.
- Al-Syatibi, Abi Ishaq Ibrahim bin Musa bin Muhammad (1997).
- Abu Hamid Muhammad bin Muhammad Al-Ghazali (t.t), *al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul*, jil. 2, h. 482
- Rafe Haneef dan Edib Smolo (2010), "Reshaping The Islamic Finance Industry Applying the Lessons Learnt from the Global Financial Crisis", *ISRA International Journal*, Vol. 3, Issue 1, h. 1-29.
- Karuvelil K. Z (2000), "Islamic Finance: Sustaining Success Islamic Finance: Local Challenges, Global Opportunities", Prosiding *Third Harvard University Forum on Islamic Finance*, Cambridge, Massachusetts, Centre for Middle Eastern Studies, Harvard University, h. 155-158.
- Rencana Berita Harian (2009), "Landasan jadikan Malaysia hub kewangan Islam", pada Khamis , 29hb Oktober 2009.
- Masudul Alam Choudury (2010), "The Structure of Islamic Economics: A Comparative Perspective on Markets, Ethics and Economics," *Islamic Finance*: [http://islamicfinance. net/islamic-economy/chap/chapindex. Html](http://islamicfinance.net/islamic-economy/chap/chapindex.html), 21hb April 2010; Uthman, Usamah A (2001), "Money, Interest, and an Alternative Macroeconomic System," *IJUM Journal of Economics and Management*, Vol. 9, No. 2 , h. 101- 114.
- Zeti Akhtar Aziz (2008), "Ke Arah Meraih Potensi Pertumbuhan Global Kewangan Islam", (Kertas kerja dibentangkan di Seminar Kewangan Islam Anjuran Bersama Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam dan Pihak Berkuasa Monetari Hong Kong pada 15hb Januari 2008 di Hong Kong), h. 31
- Asyraf Wajdi Dusuki (2011), "Sistem Perbankan Islam di Malaysia dan Dalam Transformasi Kewangan Dunia Islam", *Prosiding Seminar Transformasi Sistem Pengurusan Islam di Malaysia 2011* pada 1-2hb Oktober 2011 bertempat di Dewan Tun Hussein Onn, PWTC Kuala Lumpur), h. 265-291
- Uthman, Usamah A (2001), "Money, Interest, and an Alternative Macroeconomic System," *IJUM Journal of Economics and Management*, Vol. 9, No. 2 , h. 101- 114.
- Tarek S. Zahir dan M. Kabir Hassan (2001), *op. cit.*, h 156-199.
- Nayyer Manzoor (2006), *Islamic Economics: A Welfare Approach*. New Delhi: Adam Publishers & Distributors, h. 69-70
- Alsadek Gait dan Andrew Wothington (2008), "An empirical survey of individual consumer, business firm and financial Institution attitudes towards Islamic methods of finance", *International Journal of Social Economics*, Vol. 35, No. 11, h. 783-808.
- Islamic Association for Islamic Economics (2009), "Economic Solutions From Islamic Finance:

- Position Statement of the International Association for Islamic Economics”, dalam Group of Researchers (eds.), *Issues in the International Financial Crisis from an Islamic Perspective*, Jeddah: Scientific Centre, King Abdul Aziz University, h. 269.
- Ahamed Kameel Mydin Meera (2011), “Peranan Institusi Kewangan Islam Dalam Meningkatkan Pemilikan Kekayaan Ummah: Satu Gagasan Dan Cabaran Pelaksanaan”, (Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)), h.1-6.
- Farhad F. Ghannadian (2004), “Developing economy banking: the case of Islamic banks”, *International Journal of Social Economics*, Vol. 31, No. 8, h. 740-752.
- Saiful Azhar Rosly dan Mohd Afandi Abu Bakar (2003). “Performance of Islamic and Mainstream Banks in Malaysia”, *International Journal of Social Economics*, Vol. 30, No. 2, h.1249-1265.
- Joni Tamkin Borhan (2004), “The Agent-Manager’s Conduct of *Mudarabah* Contract in Islamic Commercial Law,” *Jurnal Syariah*, Vol. 12, No. 1, h. 1-20.
- B. A Bashir (1983), “Portfolio Management of Islamic Banks: Certainty Model,” *Journal of banking and finance*, Vol. 7, No. 3, h. 339-354.
- Habib Ahmed (2002/1423H), “A Microeconomic model of an Islamic Bank”, *IRTI Research Paper*, No. 59, Jeddah: Islamic Research and Training Institute, h. 9.
- Ben Chong dan Min Hua Liu (2009), “Islamic banking; Interest-free or interest-based”, *Pacific-Basin Finance Journal* 17, h. 124-144.
- Mabid Ali Al-Jarhi (2005), “Islamic Finance and Development” dalam Munawar Iqbal dan Ausaf Ahmad (eds.), *Islamic Finance and Economic Development*. New York: Palgrave Macmillan, h. 16-28.
- Abdullah Mohammed (2009), “Current Global Financial Crisis: Cause and Solution”, dalam Group of Researchers (eds.), *Issues in the International Financial Crisis from an Islamic Perspective*. Jeddah: Scientific Centre, King Abdul Aziz University, h. 25-41.
- Muhammad Saleem (2005), *Islamic Banking- A \$300 billion Deception*. USA; Xlibris Corporation, h. 36.
- Diamond, DW dan PH. Dybvig (1983), ‘Bank runs, deposit insurance, and liquidity’, *The Journal of Political Economy*, Vol. 91, No. 3, h. 401- 419.
- Institute of Islamic Banking and Insurance (2011), <http://www.islamic-banking.com/>, 14hb Oktober 2011.
- Gangopadhyay, Subhashis dan Gurbachan Singh (2000), “Avoiding Bank Runs in Transition Economies: The Role of Risk Neutral Capital”, *Journal of Banking and Finance* 24, h. 625-642.
- Salman Syed Ali (2007), ‘Financial Distress and Bank Failure: Lessons from Closure from Ihlal Finans in Turkey,’ *Journal of Islamic Economic Studies*, Vol. 14, No.1, h. 231-24
- Ibn<sup>c</sup> Asyur (1999), *Maqasid al-Syari’ah al-Islamiyyah*. Amman: Dar al-Nafa’is, h. 342.
- Harold L Cole dan Narayana Kocherlakota (1998), “Zero Nominal Interest Rate: Why they’re good and how to get them”, *Federal Reserve Bank of Minneapolis Quarterly Review* 22, h. 2-10
- Ali, M. dan Sarkar, A. A. (1995), “Islamic Banking: Principles and Operational Methodology”. *Thoughts on Economics*, Vol. 5, No. 3 & 4, Dhaka: Islamic Economics Research Bureau, h. 3
- Muhammad Umer Chapra (2009), “The global financial crisis: Can Islamic finance help?” (Kertas kerja dibentangkan di *Forum on the global Financial Crisis* pada 25hb Oktober 2008 di Islamic Development Bank, Dubai), h. 1-27.